

17) PENYELENGGARAAN RUMAH BERTINGKAT KOS RENDAH

Adun : Y.B. Tuan Dr. Afif Bin Bahardin (N33 Taman Medan)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

- a) Berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk membaiki dan menyelenggara rumah pangsa dan kompleks perumahan awam di DUN Taman Medan bagi tahun 2024?**

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM231,000.00 di bawah Program Selangor Penyayang (PSP) telah diluluskan di DUN Taman Medan bagi tahun 2024. Peruntukan ini diberikan kepada Flat Taman Maju Jaya, Taman Medan bagi kerja-kerja mengecat semula bangunan.